

Banjir lambat surut

Pengusaha tanaman kerugian setiap kali musibah

NURULFATIHA MUAH

IJOK – “Setiap kali banjir, ambil masa lama sehingga tiga bulan untuk surut. Kami yang kerja di kampung tidak boleh keluar mencari rezeki, sampai bila keadaan ini akan berlaku?,” demikian rintihan penduduk di Kampung Bukit Badong, di sini.

Mereka mendakwa, banjir berterusan yang melanda di sekitar Jalan Dasuki di kampung tersebut, menjejaskan tanaman seperti pokok getah, keladi, gaharu dan kelapa sawit di kebun diusahakan penduduk.

Akibatnya, pengusaha tanaman mengalami kerugian, selain pendapatan mereka terjejas.

Seorang pemilik kebun keladi, Mohd Satar Sampan @ Mohammad Sapuan, 42, mendakwa, masalah itu berlaku sejak lapan tahun lalu apabila jambatan persendirian yang dibina tuan rumah tidak mengikut spesifikasi ditetapkan.

“Kelongkong (culvert) laluan air parit dibina terlalu tinggi sehingga menyukarkan pengaliran air ketika hujan lebat dan mengakibatkan banjir. Kalau kelongkong itu direndahkan sedikit, mungkin masalah ini dapat diatasi.

“Saya sudah adukan perkara ini kepada pihak terlibat, namun belum ada tindakan lanjut diambil,” katanya ketika ditemui, di sini, kelmarin.

Menurutnya, tahun lalu, sebanyak 10,000 pokok keladi ditanam, namun 50 peratus daripadanya musnah dan dia kerugian hampir RM5,000 dengan anggaran RM1 untuk sebatang pokok.

“Pada tahun 2010, saya tanam 16,000 keladi, tetapi separuh saja yang boleh dikutip hasilnya. Kebun seolah-olah jadi paya sebab banjir lambat surut,” katanya.

Khuatir berdepan binatang berbisa

SEORANG pemilik kebun getah, Musripah Mohammad Sapuan, 55, berkata, dia nekad menoreh getah walaupun kebunnya banjir untuk mendapatkan wang menyara hidup.

Biar pun tahu risiko kemungkinan diserang haiwan berbisa namun, katanya, dia terpaksa bekerja kerana itulah punca rezekinya.

“Walaupun anak ada beri wang setiap bulan, tetapi saya simpan untuk pergi haji, dan hanya sebahagiannya diambil untuk sara hidup. Lagipun, anak kerja makan gaji, hen-



“ Bila banjir, susah hendak petik buah sawit, kalau boleh petik pun, sukar hendak bawa ke luar. Bagaimana kereta sorong hendak lalu bila air bertakung?”

Hassan

dak mengharap kepada mereka pun tidak boleh juga.

“Saya tetap pergi menoreh walaupun banjir belum surut. Pernah sekali itu, saya jumpa tiga ekor lipan dan bernasib baik kerana saya sempat bertindak. Sambil menoreh, saya akan perhatikan keadaan sekeliling, manalah tahu jumpa ular berenang, takut juga,” katanya.

Tiga bulan tidak keluar kebun

DAKWA Musripah, jika banjir, air akan melimpah dan bertakung dalam kebun getahnya menyebabkan dia berbulan-bulan tidak menoreh.

“Saya pernah tidak menoreh getah tiga bulan kerana banjir, walaupun tidak hujan sebab air bertakung. Minggu ini, baru dua kali menoreh, itu pun terpaksa kerana tiada wang.

“Setiap kali keluar menoreh, saya akan dapat RM100 dan lebih

RM1,000 sebulan, tetapi bila musim banjir, pendapatan terjejas teruk, kadang kala cuma dapat RM100 sebulan,” katanya.

Sementara itu, bagi pewaris kebun kelapa sawit, Hassan Said, 52, berkata, dia juga pernah tidak ke kebun selama tiga bulan kerana masalah sama.

“Bila banjir, susah hendak petik buah sawit, kalau boleh petik pun, sukar hendak bawa ke luar. Bagaimana kereta sorong hendak lalu bila air bertakung?

“Kebun saya ini terletak di kawasan tanah rendah dan kalau sekali hujan, hendak surut memang lama. Bayangkanlah, apabila hujan dua minggu lepas dan air mula hendak surut, tiba-tiba hujan lagi, jadi berterusanlah banjir,” katanya.

Sebelum ini, Hassan berkata, kelapa sawit yang ditanamnya segar, tetapi kini pokoknya semakin susut



Kelongkong laluan air yang didakwa 'tergantung' dan tidak memenuhi spesifikasi ditetapkan.



Aliran air parit sempit.



Hassan tetap mengutip buah sawit walaupun terpaksa meredah banjir yang masih belum surut sepenuhnya sejak bulan lepas.

dan kelihatan seperti tidak sihat.

“Apabila saya letak baja, belum meresap lagi dalam akar, sudah banjir lagi,” katanya.

Parit tidak dibersihkan ikut jadual

MOHD SATAR mendakwa, masalah banjir itu juga berpunca daripada parit yang ditumbuhi rumput liar sehingga air tidak dapat mengalir dengan baik.

“Sepatutnya, pihak terlibat bersihkan parit setahun sekali, tetapi tidak pada tahun lalu. Baru-baru ini, mereka baru bersihkan sebahagian parit di Jalan Dasuki. Ada sebahagian lagi masih belum dibersihkan kerana difahamkan mesin rosak,” katanya.

Musripah berkata, sebelum ini, kawasan di Jalan Dasuki itu kerap banjir, bagaimanapun ia akan surut dalam tempoh beberapa jam kerana pengaliran air lancar.

“Sejak dua tahun kebelakangan ini, makin lambat surut kerana parit

tidak dibersihkan mengikut jadual ditetapkan,” katanya.

Justeru, penduduk menggesa supaya kedalaman parit itu ditingkatkan untuk mengelak masalah sama berulang dan memberikan peluang kepada generasi kedua membina pemempatan di kawasan kebun sekiranya tidak mampu membeli rumah kelak.

JPS akan jalankan siasatan

JURUTERA Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Kuala Selangor, Shafie Ramli berkata, pihaknya sedia maklum berhubung banjir di kawasan berkenaan dan kerja-kerja pengorekan parit sedang dijalankan.

“Kita hantar dua jentera untuk bersihkan kawasan itu selepas aduan diterima. Itu untuk jangka pendek.

“Bagi perancangan jangka panjang, kita akan jalankan siasatan dengan lihat dan ukur kelongkong jambatan terlibat, sebelum ambil tindakan lanjut,” katanya.



Keadaan parit di Jalan Dasuki, di sini, dipenuhi rumput.